

[Home](#) / [2026](#) / [March](#) /

UiTM Negeri Sembilan dan Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan Perkasa Sinergi Akademik Melalui Bengkel Kepakaran Sains

SINERGI

09/03/2026 / SARAH SHAZWANI ZAKARIA



Cawangan Negeri Sembilan

BENKEL PERKONGSIAN KEPAKARAN SAINS & AKADEMIK BERSAMA KOLEJ MATRIKULASI NEGERI SEMBILAN ANJURAN SIG. ECONATREA 15 JANUARI 2026



KUALA PILAH, 24 Februari 2026 – Kumpulan *Special Interest Group* (SIG) ECONATREA, Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS), telah berjaya menganjurkan **Bengkel Perkongsian Kepakaran Sains dan Akademik** bersama Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan (KMNS) pada 15 Januari 2026. Program yang berlangsung di Kampus Kuala Pilah ini berfungsi sebagai platform strategik bagi memperkukuh jalinan kolaborasi serta pertukaran ilmu antara kedua-dua institusi pendidikan tersebut.

Bengkel ini dihadiri oleh 27 pensyarah Biologi dan empat orang pembantu makmal dari KMNS. Sesi dimulakan dengan perkongsian pengurusan akademik merangkumi aspek kursus HETVET, program SULAM, *Blended-Learning*, metodologi kerja lapangan, serta strategi pengurusan semakan kurikulum bagi memenuhi piawaian pendidikan masa kini.

Bagi memperkasa kemahiran teknikal, sesi petang diisi dengan aktiviti makmal sains bertemakan analisis pigmen tumbuhan. Para peserta berpeluang mengaplikasikan teori pemisahan pigmen secara praktikal menggunakan kaedah kertas kromatografi dan spektrofotometri UV-Vis. Aktiviti ini bukan sahaja memperkukuh kemahiran saintifik peserta, malah memperkayakan teknik pedagogi yang boleh diadaptasi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi masing-masing.



Cawangan Negeri Sembilan

**BENGGEL PERKONGSIAN KEPAKARAN SAINS & AKADEMIK
BERSAMA KOLEJ MATRIKULASI NEGERI SEMBILAN**

**ANJURAN SIG. ECONATREA
15 JANUARI 2026**



Cawangan Negeri Sembilan

**BENGGEL PERKONGSIAN KEPAKARAN SAINS & AKADEMIK
BERSAMA KOLEJ MATRIKULASI NEGERI SEMBILAN**

**ANJURAN SIG. ECONATREA
15 JANUARI 2026**



Pengarah Program, Dr. Nur Hasyimah Ramli menyatakan bahawa penganjuran bengkel ini merupakan

langkah proaktif dalam menyemai budaya inovasi dan pembelajaran berasaskan pengalaman. Menurut beliau, sinergi ini membolehkan UiTMCNS menyebar luas kepakaran pengurusan akademik secara langsung kepada komuniti pendidik, sementara bagi pihak KMNS, ia menjadi penanda aras penting dalam meningkatkan piawaian inovasi pengajaran.

Pelaksanaan inisiatif ini juga menyumbang secara signifikan kepada pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UiTMCNS dalam aspek kualiti pengajaran dan kolaborasi komuniti. Malah, ia selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) global, khususnya SDG 4 (Pendidikan Berkualiti), SDG 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur), serta SDG 17 (Kerjasama demi Matlamat).

Sebagai tanda komitmen berterusan, program diakhiri dengan sesi refleksi dan penyerahan sijil penghargaan kepada semua peserta. Kejayaan bengkel ini dijangka bakal membuka ruang kepada perancangan aktiviti akademik yang lebih tersusun dan berimpak tinggi pada masa hadapan, sekali gus menyumbang kepada pemeraksanaan ekosistem pendidikan tinggi negara yang lebih dinamik, inklusif, dan lestari.



Tags: [Fakulti Sains Gunaan \(FSG\)](#), [Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan \(KMNS\)](#), [Special Interest Group \(SIG\) ECONATREA](#), [UiTM Cawangan Negeri Sembilan](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Sentuhan Kreatif Pelajar Grafik UiTM
Perak Ceriakan Persekitaran Taska
OOO La La Nur Intan

Master Colour Run 2026: 600 Peserta
Gegarkan UiTM Cawangan Pahang
Demi Gaya Hidup Sihat Dan Misi
Kemanusiaan

QUICK
LINKS

HUBUNGI
KAMI



Ministry of Higher Education
Academic Calendar

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor

[Intake Calendar](#)

[Graduate Quick Search](#)

[Library](#)

[UiTM Holdings](#)

[WiFi UiTM](#)

[E-Complaint](#)

Darul Ehsan

Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000